KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

LAPORAN KAJIAN KEBERKESANAN KARNIVAL JOM MASUK UNIVERSITI (JMU) ZON SABAH I 2026,

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



SABAH
MAJU JAYA
GENERASI
INOVATIF

Jom Masuk U Zon Sabah I 2026

POLYCC
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

LAPORAN KAJIAN KEBERKESANAN KARNIVAL JOM MASUK UNIVERSITI (JMU) ZON SABAH I 2026, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

LAPORAN KAJIAN KEBERKESANAN KARNIVAL JOM MASUK UNIVERSITI (JMU) ZON SABAH I 2026, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Hak Cipta Politeknik Sandakan Sabah, 2026
Copyright Politeknik Sandakan Sabah, 2026

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Sandakan Sabah terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Politeknik Sandakan Sabah.

e-ISBN : ISBN 978-967-0763-xxxxxxxx

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

Politeknik Sandakan Sabah
Education Hub, Batu 10,
Jalan Sungai Batang,
90000 Sandakan, Sabah.
Tel: 089-228351
Faks: 089-228325

https://pss.mypolycc.edu.my

Isi Kandungan

LAPORAN KAJIAN KEBERKESANAN KARNIVAL JOM MASUK UNIVERSITI (JMU) ZON SABAH I 2026

01 Ahli Penyelidik M/S 1

02 Abstrak M/S 2

03 Bab 1: Pengenalan M/S 3

04 Penyataan Masalah M/S 4

05 Bab 2: Tinjauan Literatur M/S 9

06 Bab 3: Pendekatan Kajian M/S 14

07 Bab 4: Analisis Data M/S 15

08 Bab 5: Perbincangan M/S 30

09 Rujukan M/S 42

AHLI PENYELIDIK

Kepimpinan

Penaung
Dr. Shamsuri bin Abdullah

Penasihat
Tn. Hj. Ulaimi bin Yahya

Pengerusi
Dr Shahiza binti Ahmad Zainuddin

Pengerusi bersama
Tn. Hj. Azirin bin Abdul Aziz
En. Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin

Timbalan Pengerusi
En. Irwandih bin Mat Jaili

Fasilitasi & Penyelarasan

Fasilitator
Ts. Dr Mohd Norhadi bin Muda (Ketua)
En. Muhd Zaki bin Mustapha
Cik Noor Hazimah binti Harun

Penyelaras
En. Mohd Mustaqim bin Maludin
En. Thariq bin Abdul Razak

Penyelidik

Penyelidik
Dr. Joanna W Doinsing (Ketua)
Ts. Hazza Roshada binti Ramli
Pn. Nadia Nurul Janna binti Mahmud
Pn. Norsyafiqa' binti Suhaimi
Pn. Yusmah binti Ag. Damit

1.0 ABSTRAK

Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026 merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang bertujuan menyebarluaskan maklumat berkaitan peluang melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta membantu calon pelajar membuat pilihan pengajian yang sesuai.

Walau bagaimanapun, tahap kesedaran peserta terhadap laluan pendidikan tinggi, keberkesanan penyampaian maklumat dan impak program terhadap pemilihan program pengajian masih memerlukan penilaian secara empirikal bagi memastikan program yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan.

Kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kesedaran peserta mengenai peluang pendidikan tinggi, menilai keberkesanan penganjuran Karnival JMU, serta mengenal pasti cadangan strategik bagi penambahbaikan program pada masa hadapan.

Kajian kuantitatif ini melibatkan 1,013 responden melalui soal selidik semasa Karnival JMU Zon Sabah I 2026. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 27 melalui analisis deskriptif (min dan sisihan piawai), analisis korelasi serta ujian kebolehpercayaan di mana nilai kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi, Cronbach's Alpha 0.97.

Dapatan menunjukkan penganjuran program sangat berkesan (min=4.66, SP=0.505), dengan tahap kesedaran peserta yang tinggi (min=4.59, SP=0.591), keberkesanan program (min=4.63, SP=0.547) dan cadangan penambahbaikan (min=4.64, SP=0.514). Analisis korelasi turut menunjukkan hubungan yang kuat antara semua konstruk (r=0.745–0.795).

Kajian mengesahkan pencapaian objektif program serta impak positifnya terhadap peserta, namun menekankan keperluan penambahbaikan strategik melalui penyampaian maklumat yang lebih interaktif, perluasan kumpulan sasaran dan perancangan program yang lebih fleksibel.

1.1 PENGENALAN

> Sistem pendidikan Malaysia distrukturkan secara holistik merangkumi peringkat rendah hingga menengah bagi melahirkan modal insan yang kompeten sebelum transisi ke peringkat pengajian tinggi.
>
> **(Abd Rahman dan Ramli, 2021)**

Penyaluran maklumat laluan pendidikan yang tepat adalah kunci utama dalam memastikan ketersediaan peluang menyambung pengajian ke IPT bagi setiap lepasan sekolah (Billett *et al.,* 2024).

Kepelbagaian institusi pendidikan tinggi kini menawarkan spektrum pengajian yang luas bermula daripada peringkat sijil hingga PhD, di samping pengukuhan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memenuhi keperluan ekonomi semasa (Syed Chear, 2025).

Sistem UPUOnline berperanan sebagai platform berpusat yang menyelaras kemasukan pelajar ke Universiti Awam, politeknik, kolej komuniti dan institusi latihan kemahiran awam secara sistematik, telus dan adil (Bahagian Kemasukan Pelajar IPT, 2023).

Karnival JMU merupakan platform penyampaian maklumat IPT secara langsung yang menghubungkan pihak berkepentingan termasuk pelajar, ibu bapa dan industri demi memperkasa kesedaran akademik (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2025).

1.2 PENYATAAN MASALAH

1

Tahap kesedaran dan kefahaman peserta terhadap peluang pendidikan tinggi serta prosedur permohonan UPUOnline masih belum dikenal pasti secara empirikal. Penilaian ini penting kerana penyampaian maklumat yang mudah dicapai serta bantuan dalam menjawab persoalan pemohon dapat membantu melancarkan proses permohonan pelajar (Hanapiah et al., 2024).

2

Tahap keberkesanan Karnival JMU dalam memotivasikan peserta dan membantu pemilihan pengajian masih belum dibuktikan. Penilaian ini penting kerana minat, pengetahuan dan pendedahan boleh mempengaruhi pemilihan program pengajian (Saim et al., 2021). Selain itu, kerelevanan pengisian serta impak bimbingan UPUOnline pula belum dinilai secara sistematik. Mengikut Hanapiah et al. (2024), maklumat yang mudah dicapai dan bantuan menjawab persoalan pemohon dapat membantu melancarkan proses permohonan pelajar.

3

Kekurangan data analisis yang konkrit mengenai kekangan pelaksanaan dan penyampaian maklumat semasa menghalang usaha merangka cadangan strategik yang komprehensif. Penilaian ini penting bagi memastikan penganjuran masa hadapan dapat memperluas jangkauan dan menyediakan susulan maklumat yang berterusan (Saim et al., 2021)

Pendedahan maklumat yang tidak menyeluruh dalam kalangan komuniti khusus, menyebabkan mereka kurang cakna akan peluang yang ditawarkan. Faktor-faktor sebenar di sebalik tindakan calon menolak tawaran IPT (seperti isu kewangan, lokasi, kesesuaian program, atau masalah keluarga) masih belum dinilai secara terperinci.

1.3 OBJEKTIF

01

Menilai tahap kesedaran tentang Karnival JMU Zon Sabah I 2026 di Institusi Pengajian Tinggi di Zon Sabah.


02

Menilai keberkesanan penganjuran Karnival JMU Zon Sabah I 2026.

03

Menyediakan cadangan strategik untuk penambahbaikan penganjuran Karnival JMU Zon Sabah I 2026.

1.4 SKOP KAJIAN



Rajah 1.4.1: Skop Kajian

Konstruk

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Karnival JMU Zon Sabah I 2026 dengan memberi tumpuan kepada empat konstruk utama iaitu kandungan Karnival JMU, tahap kesedaran pelajar terhadap pendidikan tinggi, keberkesanan pelaksanaan program serta cadangan penambahbaikan.

Sampel

Sampel kajian terdiri daripada pengunjung yang merupakan pelajar sekolah menengah, lepasan SPM, ibu bapa, kaunselor, guru serta wakil institusi dan pihak penganjur seperti urusetia Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), wakil PolyCC, pempamer, vendor dan pihak berkepentingan lain.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan instrumen soal selidik untuk mengumpul data bagi menilai tahap kesedaran, keberkesanan dan Cadangan penambahbaikan terhadap Karnival JMU Zon Sabah I 2026.

Instrumen

Kajian ini juga mengambil kira latar belakang dan demografi peserta bagi memastikan dapatan yang diperoleh bersifat inklusif dan relevan dengan konteks pendidikan tinggi di Sabah.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting bagi menilai kesedaran, keberkesanan penganjuran serta mengenal pasti keperluan penambahbaikan Karnival JMU Zon Sabah I 2026.

1. Menilai tahap kesedaran peserta terhadap Karnival JMU Zon Sabah I 2026, khususnya berkaitan peluang pendidikan tinggi, UPUOnline serta pilihan program dan institusi pengajian.
2. Menilai keberkesanan penganjuran Karnival JMU Zon Sabah I 2026 dalam meningkatkan kefahaman, motivasi dan keupayaan peserta membuat pilihan pengajian.
3. Mengenal pasti cadangan penambahbaikan dari segi kandungan, kaedah penyampaian, sesi interaktif, sasaran pengunjung dan fleksibiliti jadual penganjuran.
4. Menyediakan asas kepada perancangan strategik bagi meningkatkan keberkesanan, kepuasan peserta dan kesinambungan Karnival JMU Zon Sabah I 2026 pada masa akan datang.



Rajah 1.5.1: Kepentingan Kajian

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

1.6.1 Karnival JMU

Karnival JMU Zon Sabah I 2026 merupakan siri jelajah fizikal dan hibrid anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menyampaikan maklumat kemasukan serta peluang pendidikan tinggi kepada pelajar, ibu bapa dan komuniti melalui pameran, ceramah, khidmat nasihat dan sesi interaktif.

1.6.2 Kesedaran

Kesedaran merujuk kepada tahap pengetahuan dan pemahaman individu tentang peluang pendidikan tinggi yang disampaikan melalui Karnival JMU Zon Sabah I 2026.

1.6.3 Keberkesanan

Keberkesanan merujuk kepada tahap pencapaian objektif Karnival JMU Zon Sabah I 2026 dalam menyampaikan maklumat yang bermanfaat serta meningkatkan minat dan pemahaman pengunjung terhadap peluang pendidikan tinggi.

1.6.4 Penambahbaikan

Penambahbaikan merujuk kepada cadangan dan tindakan yang boleh dilaksanakan oleh penganjur bagi meningkatkan pelaksanaan Karnival JMU Zon Sabah I 2026 pada masa hadapan.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Bab ini membincangkan literatur berkaitan sistem pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya dalam konteks akses pendidikan, profil pelajar dan pelaksanaan program promosi pendidikan tinggi di Sabah. Tinjauan ini menjadi asas untuk menilai tahap kesedaran, keberkesanan dan cadangan penambahbaikan bagi Karnival JMU Zon Sabah I 2026.

2.1 Landskap Pendidikan Tinggi dan Karnival Jom Masuk U

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa akses kepada pendidikan tinggi di Sabah masih dipengaruhi oleh faktor geografi, sosioekonomi, kemudahan pendidikan dan akses kepada maklumat (Adam et al., 2022). Dalam konteks ini, penyampaian maklumat yang jelas dan mudah dicapai penting bagi membantu pelajar memahami peluang serta laluan pendidikan tinggi. Sehubungan itu, Karnival JMU berperanan sebagai medium penyampaian maklumat pendidikan tinggi, manakala kajian ini menilai tahap kesedaran, keberkesanan pelaksanaan dan cadangan penambahbaikan Karnival JMU Zon Sabah I 2026.

2.1.1 Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia

Sistem pendidikan tinggi di Malaysia merangkumi universiti awam, institusi pengajian tinggi swasta, politeknik, kolej komuniti dan institusi latihan kemahiran yang menawarkan pelbagai program akademik, profesional dan teknikal. Selaras dengan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), pembangunan pendidikan tinggi diberikan penekanan sebagai pemacu pembentukan modal insan yang berkemahiran dan berdaya saing. Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035 turut menekankan peningkatan kualiti pendidikan agar sejajar dengan perkembangan teknologi dan perubahan keperluan industri. Melalui Lonjakan 10: Penyampaian Responsif dan Dinamik, penekanan turut diberikan kepada penyampaian pendidikan tinggi yang lebih cekap, responsif, inklusif dan berorientasikan keperluan pelajar (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026).

Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), termasuk politeknik dan kolej komuniti, melengkapkan laluan akademik sedia ada dengan menyediakan pendidikan berorientasikan kemahiran. Kepelbagaian institusi dan program ini memberikan lebih banyak pilihan kepada pelajar berdasarkan minat, kebolehan dan perancangan kerjaya masing-masing.

2.1.2 Peranan Karnival Jom Masuk U

Karnival Jom Masuk U merupakan inisiatif strategik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk memperluas akses maklumat pendidikan tinggi kepada pelajar lepasan SPM dan STPM. Program ini berfungsi sebagai pusat sehenti yang menyediakan maklumat tentang pilihan program pengajian, syarat kemasukan, permohonan melalui UPUOnline dan peluang pembiayaan pendidikan (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2025).

Melalui pameran, ceramah, taklimat dan sesi interaktif, bakal pelajar berpeluang berhubung secara langsung dengan wakil institusi pengajian tinggi. Pendekatan ini dapat membantu mereka memperoleh maklumat yang lebih jelas serta membuat pilihan pengajian berdasarkan minat, kelayakan dan aspirasi kerjaya. Dalam konteks kajian ini, pendekatan tersebut diteruskan melalui Karnival JMU Zon Sabah I 2026.

2.1.3 Senario Pendidikan Tinggi di Sabah

Sabah mempunyai landskap pendidikan tinggi yang merangkumi universiti awam dan swasta, politeknik, kolej komuniti serta institusi latihan kemahiran. Walau bagaimanapun, akses kepada pendidikan tinggi masih menjadi cabaran, khususnya bagi pelajar di kawasan pedalaman yang jauh daripada pusat pendidikan. Faktor geografi, sosioekonomi dan kekurangan maklumat boleh mempengaruhi penyertaan pelajar dalam pendidikan tinggi (Adam et al., 2022).

Program JMU berperanan merapatkan jurang tersebut dengan membawa maklumat dan wakil institusi terus kepada komuniti sasaran. Pendekatan ini berpotensi memperluas capaian maklumat pendidikan tinggi dan menggalakkan penyertaan pelajar dari kawasan luar bandar (Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, 2025).

2.1.4 Profil dan Keperluan Pelajar Sabah

Pelajar di Sabah mempunyai latar belakang geografi dan sosioekonomi yang pelbagai, dengan sebahagian besar berasal dari kawasan luar bandar. Pelajar Bumiputera luar bandar berhadapan dengan cabaran kedudukan geografi, kekurangan kemudahan pendidikan, masalah pengangkutan dan keterbatasan sosioekonomi keluarga (Adam et al., 2022). Dari segi populasi bakal lepasan sekolah, Sabah merekodkan 38,778 calon SPM pada tahun 2023, 39,548 calon pada tahun 2024 dan 37,038 calon pada tahun 2025 (Sabah Media, 2024, 2025a, 2025b). Angka ini menunjukkan terdapat kumpulan besar pelajar yang berpotensi melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

Pada masa yang sama, Sabah mempunyai 36 institusi pendidikan tinggi, terdiri daripada 14 institusi awam, iaitu dua universiti awam, tiga politeknik dan sembilan kolej komuniti, serta 22 institusi pengajian tinggi swasta, merangkumi sebuah universiti, empat kolej universiti dan 17 kolej swasta (Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA [BKPA JPT], 2026). Kepelbagaian institusi dan program ini menyediakan pelbagai pilihan laluan pendidikan kepada pelajar berdasarkan minat, kebolehan dan perancangan kerjaya masing-masing.

Keadaan ini menunjukkan bahawa maklumat pendidikan perlu disampaikan secara mudah, jelas dan bersesuaian dengan keperluan pelajar. Karnival JMU dapat membantu pelajar mengenal pasti program pengajian berdasarkan minat dan kebolehan, di samping melibatkan ibu bapa serta guru bimbingan dan kaunseling dalam proses membuat keputusan pendidikan.

2.1.5 Tahap Kesedaran

Kesedaran merujuk kepada tahap pengetahuan pelajar tentang peluang pendidikan tinggi, syarat kemasukan, pilihan program, pembiayaan pendidikan dan prosedur permohonan melalui UPUOnline. Pelajar luar bandar masih menghadapi kekurangan maklumat dan bimbingan awal mengenai laluan pendidikan tinggi, yang boleh mengehadkan peluang mereka untuk melanjutkan pengajian (Adam et al., 2022).

Sehubungan itu, pameran pendidikan, ceramah, khidmat nasihat dan sesi interaktif bersama wakil institusi serta guru bimbingan dan kaunseling penting untuk meningkatkan kefahaman pelajar tentang laluan pendidikan tinggi. Promosi yang berkesan dan kerjasama dengan sekolah serta Pejabat Pendidikan Daerah juga diperlukan bagi meningkatkan penyertaan kumpulan sasaran.

2.1.6 Keberkesanan Program

Keberkesanan Karnival JMU boleh dinilai berdasarkan perubahan tahap pengetahuan, minat dan sikap peserta terhadap pendidikan tinggi selepas menyertai program. Program promosi pendidikan dilaporkan dapat meningkatkan minat pelajar untuk melanjutkan pengajian, namun masih terdapat ruang penambahbaikan dalam sistem penyampaian maklumat dan penglibatan pihak berkepentingan.

Penilaian keberkesanan tidak seharusnya bergantung pada jumlah kehadiran semata-mata. Penilaian juga perlu merangkumi kefahaman peserta mengenai peluang pengajian, keyakinan membuat pilihan program dan keupayaan melaksanakan permohonan melalui UPUOnline.

2.1.7 Penambahbaikan Program

Penambahbaikan Karnival JMU perlu memberi perhatian kepada pendigitalan kandungan, penyampaian interaktif, penglibatan pemudah cara dan fleksibiliti penyampaian. Kandungan digital yang jelas dan interaktif dapat menyokong penglibatan serta kepuasan pengguna (Wang et al., 2026). Interaksi secara langsung dengan pemudah cara turut penting dalam meningkatkan pengalaman peserta (Gegenfurtner et al., 2020).

Skop penglibatan juga boleh diperluas kepada alumni, industri, pertubuhan bukan kerajaan, agensi berkaitan dan pemimpin masyarakat. Penglibatan pelbagai pihak dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang laluan pendidikan, peluang kerjaya dan bentuk bantuan yang tersedia kepada bakal pelajar.

2.1.8 Rumusan dan Jurang Kajian

Literatur menunjukkan bahawa akses maklumat, tahap kesedaran dan kualiti penyampaian merupakan faktor penting dalam membantu pelajar membuat keputusan pendidikan. Namun begitu, tahap kesedaran peserta, keberkesanan penyampaian maklumat dan cadangan penambahbaikan bagi Karnival JMU Zon Sabah I 2026 masih belum dianalisis secara sistematik. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk menilai ketiga-tiga aspek tersebut dan menghasilkan cadangan bagi memperkukuh penganjuran karnival pada masa hadapan.

2.2 KONSEPTUAL KERANGKA KAJIAN

Karnival JMU

Karnival JMU Zon Sabah I 2026 bertindak sebagai pemangkin utama dalam kajian ini. Penganjuran program yang merangkumi pameran, taklimat, dan khidmat nasihat menjadi titik mula kepada perubahan tahap pengetahuan sasaran iaitu pelajar sekolah menengah, guru kaunseling serta ibu bapa pelajar (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2026).

Kesedaran

Penganjuran Karnival JMU Zon Sabah I 2026 bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar dan ibu bapa. Aspek ini mengukur sejauh mana peserta menyedari tentang peluang pendidikan, syarat kemasukan serta bantuan kewangan yang tersedia.

Keberkesanan

Sejajar dengan peningkatan kesedaran, keberkesanan program dinilai melalui peningkatan tahap pengetahuan pelajar dan kekerapan permohonan melalui sistem UPUOnline. Keberkesanan yang tinggi menunjukkan bahawa sistem penyampaian maklumat semasa program adalah cekap.

Penambahbaikan JMU

Hasil daripada penilaian terhadap tahap kesedaran dan keberkesanan tersebut akan membawa kepada penambahbaikan Karnival JMU Zon Sabah I 2026. Data yang diperolehi akan digunakan untuk merangka strategi intervensi bagi memantapkan penganjuran program pada masa hadapan agar lebih dinamik dan memenuhi keperluan kumpulan sasar.

3.0 PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Pemilihan kaedah ini adalah selaras dengan pandangan Creswell dan Creswell (2023) yang menyatakan bahawa pendekatan kuantitatif sesuai digunakan untuk menguji teori secara objektif dengan melihat hubungan antara pemboleh ubah. Justifikasi pemilihan reka bentuk ini juga disokong oleh Chua (2021), di mana kaedah kuantitatif membolehkan penyelidik mengumpul data daripada sampel yang besar dan melakukan generalisasi hasil kajian terhadap populasi dengan lebih tepat.

Bagi proses pengumpulan data, kajian ini menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat kajian utama. Pembangunan instrumen soal selidik diubahsuai dan ditambah baik secara sistematik dengan merujuk kepada keperluan objektif kajian dan instrumen penyelidikan lepas bagi menjamin kualiti data yang diperoleh. Menurut Chua (2021), penggunaan soal selidik dalam pendekatan kuantitatif membolehkan penyelidik memperoleh data yang seragam daripada bilangan responden yang besar. Selain itu, cara pembangunan instrumen ini turut mengambil kira kesahan dan kebolehpercayaan bagi memastikan instrumen tersebut mampu mengukur apa yang sepatutnya diukur (Shaari, 2022).

Persampelan kajian ini melibatkan pemilihan responden dalam kalangan pengunjung yang terdiri daripada pelajar sekolah, lepasan SPM, ibu bapa, kaunselor, dan guru, serta pihak urus setia yang merangkumi wakil JPPKK, PolyCC, pempamer, dan vendor atau peniaga. Bagi memastikan ketepatan data, jumlah sampel yang digunakan ditentukan berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Berdasarkan saiz populasi yang dikenal pasti, seramai 1013 responden telah dipilih untuk terlibat dalam kajian ini. Pemilihan saiz sampel yang berpandukan jadual standard ini adalah bertujuan untuk meminimumkan ralat persampelan serta memastikan data yang dikumpul mempunyai kredibiliti saintifik (Shaari, 2022). Selain itu, teknik persampelan ini digunakan bagi menjamin wakil yang mencukupi daripada populasi yang dikaji (Chua, 2021).

Kajian rintis dijalankan untuk menguji kesahan kandungan konstruk dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang telah dibangunkan. Kesahan kajian rintis ini melibatkan 30 sampel kajian Program JMU 2025 Zon Sabah. Kaedah ketekalan dalaman digunakan bagi pengukuran untuk melihat tahap Alpha Cronbach dalam mentaksir kebolehpercayaan instrumen kajian berpandukan. Nilai Cronbach Alpha yang diperoleh dalam kajian ini adalah 0.97. Nilai ini menunjukkan kebolehpercayaan adalah pada tahap yang sangat tinggi.

Instrumen kajan ini diedarkan kepada responden dan dijawab secara atas talian melalui pautan “Google Form”. Pengumpulan data dilakukan semasa Karnival JMU 2026 Zon Sabah I 2026 pada 7-8 Februari 2026


Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 27 dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif (min, sisihan piawai dan korelasi).

4.0 ANALISIS DATA

4.1 PROSES DAN PROTOKOL ANALISIS

Proses pembersihan data telah dijalankan bagi memastikan kualiti dan ketepatan data yang dikumpul. Pemeriksaan dilakukan untuk mengenal pasti nilai hilang dalam set data. Semua proses ini dilaksanakan menggunakan perisian SPSS bagi menjamin kebolehpercayaan analisis.

4.2 ANALISIS DEMOGRAFI



Rajah 4.2.1: Demografi responden

Profil responden merangkumi beberapa aspek utama seperti jantina dan umur. Selain itu, maklumat turut dikumpulkan berkaitan sumber responden mengetahui tentang Karnival JMU Zon Sabah I 2026 (Soalan 4) serta tahap pengenalan terhadap POLYCC (Soalan 5). Seterusnya, pilihan institusi pengajian tinggi (IPT) oleh responden turut dianalisis berdasarkan Soalan 28. Jadual 4.2.1 menunjukkan demografi responden.

Berdasarkan demografi responden, seramai 1,013 orang pengunjung telah terlibat dalam kajian ini. Dari segi jantina, majoriti responden ialah perempuan (56.5%), manakala 43.5% terdiri daripada responden lelaki. Dari segi kategori responden, kumpulan terbesar ialah pelajar sekolah (56.4%), diikuti pelajar politeknik/kolej komuniti (17.3%) dan lepasan SPM (11.6%). Berdasarkan umur, majoriti responden berada dalam lingkungan 16 hingga 20 tahun (83.5%), menunjukkan bahawa Karnival JMU Zon Sabah I 2026 berjaya menarik penyertaan yang tinggi dalam kalangan golongan muda yang berada pada peringkat membuat keputusan berkaitan hala tuju pendidikan selepas sekolah. Secara keseluruhannya, profil demografi ini menunjukkan bahawa responden kajian didominasi oleh kumpulan sasaranan utama program, khususnya pelajar dan belia yang sedang mempertimbangkan peluang melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

4.3 ANALISIS DESKRIPTIF

Interpretasi min	
Skor Purata	**Interpretasi**
4.00 – 5.00	**Sangat Berkesan**
3.00 – 3.99	Berkesan
2.00 – 2.99	Kurang Berkesan
1.00 – 1.99	Tidak Berkesan
0.00 – 0.99	Sangat Tidak Berkesan

Jadual 4.3.1: Jadual interpretasi min (Chua, 2021)

Analisis deskriptif dijalankan bagi menghuraikan dan menerangkan ciri-ciri data yang diperoleh daripada kajian secara sistematik. Analisis ini melibatkan penggunaan kekerapan, peratusan dan nilai min untuk memberikan gambaran umum mengenai taburan data serta persepsi responden terhadap aspek yang dikaji tanpa membuat generalisasi kepada populasi yang lebih besar.

Dalam kajian ini, analisis deskriptif digunakan untuk menilai tiga konstruk utama, iaitu kesedaran, keberkesanan dan penambahbaikan terhadap pelaksanaan Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026. Nilai min bagi setiap konstruk digunakan untuk mengenal pasti kecenderungan respons serta menentukan tahap persepsi responden terhadap aspek yang dinilai. Penggunaan nilai min turut membantu memberikan sokongan empirikal dalam menghuraikan dapatan kajian dan memudahkan perbandingan antara konstruk (Chua, 2021).

Interpretasi nilai min dalam kajian ini adalah berdasarkan skala Likert lima mata dan digunakan sebagai panduan untuk menentukan tahap pencapaian bagi setiap konstruk berdasarkan skor purata yang diperoleh. Pengelasan dan interpretasi skor min adalah merujuk kepada Chua (2021). Jadual 4.3.1 menunjukkan interpretasi skor min yang digunakan dalam kajian ini.

4.3.1 PENGANJURAN

BIL	PENYATAAN	NILAI MIN	SISIHAN PIAWAI
1	Karnival JMU Zon Sabah I 2026 memberi saya informasi pendidikan tinggi di IPT	**4.70**	**0.479**
2	Pengisian Karnival JMU Zon Sabah I 2026 relevan dengan keperluan pelajar lepasan sekolah	**4.64**	**0.532**
3	Pengisian Karnival JMU Zon Sabah I 2026 perlu dipelbagaikan seiring dengan perkembangan era pendigitalan	**4.65**	**0.505**
	Keseluruhan	**4.66**	**0.505**

Jadual 4.3.1.1: Nilai min bagi konstruk penganjuran

Jadual 4.3.1.1 menunjukkan dapatan bagi konstruk Penganjuran Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026. Pernyataan yang memperoleh nilai min tertinggi ialah "Karnival JMU Zon Sabah I 2026 memberi saya informasi pendidikan tinggi di IPT" dengan nilai min 4.70 dan sisihan piawai 0.479. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden memberikan penilaian yang sangat positif terhadap peranan karnival sebagai platform penyampaian maklumat berkaitan peluang pendidikan tinggi di institusi pengajian tinggi (IPT).

Manakala, pernyataan "Pengisian Karnival JMU Zon Sabah I 2026 relevan dengan keperluan pelajar lepasan sekolah" mencatatkan nilai min terendah, iaitu 4.64 dengan sisihan piawai 0.532. Walaupun merupakan nilai terendah dalam konstruk ini, skor min tersebut masih berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa kandungan dan pengisian karnival secara keseluruhannya dianggap relevan dengan keperluan pelajar lepasan sekolah, namun masih terdapat ruang untuk memastikan pengisian program terus disesuaikan dengan keperluan dan perkembangan semasa pendidikan tinggi.

Secara keseluruhannya, konstruk Penganjuran mencatatkan nilai min 4.66 dengan sisihan piawai 0.505, yang menunjukkan bahawa responden memberikan penilaian yang sangat positif terhadap penganjuran Karnival JMU Zon Sabah I 2026. Dapatan ini menggambarkan bahawa karnival berupaya berfungsi dengan baik sebagai medium penyampaian maklumat pendidikan tinggi kepada kumpulan sasaranan, khususnya dalam membantu mereka mendapatkan maklumat berkaitan peluang melanjutkan pengajian ke IPT.

4.3.2 KESEDARAN

BIL	PENYATAAN	NILAI MIN	SISIHAN PIAWAI
1	Saya mengetahui langkah-langkah untuk memohon program pengajian di IPT melalui UPU online	**4.58**	**0.596**
2	Saya lebih memahami peluang melanjutkan pengajian di IPT selepas menyertai program Jom Masuk U	**4.59**	**0.591**
3	Khidmat nasihat yang jelas mengenai cara pengisian UPU online yang betul	**4.61**	**0.587**
	Keseluruhan	**4.59**	**0.591**

Jadual 4.3.2.1: Nilai min bagi konstruk kesedaran

Jadual 4.3.2.1 menunjukkan dapatan bagi konstruk Kesedaran dalam Kajian Keberkesanan Penganjuran Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026. Pernyataan yang memperoleh nilai min tertinggi ialah “Khidmat nasihat yang jelas mengenai cara pengisian UPUOnline yang betul” dengan nilai min 4.61 dan sisihan piawai 0.587. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden memberikan penilaian yang sangat positif terhadap khidmat nasihat yang disediakan, khususnya dalam membantu mereka memahami proses pengisian UPUOnline dengan lebih jelas dan betul.

Pernyataan “Saya mengetahui langkah-langkah untuk memohon program pengajian di IPT melalui UPUOnline” pula mencatatkan nilai min terendah, iaitu 4.58 dengan sisihan piawai 0.596. Walaupun merupakan nilai terendah dalam konstruk ini, skor min tersebut masih berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden secara umumnya mempunyai pengetahuan yang baik mengenai proses permohonan ke institusi pengajian tinggi melalui UPUOnline, namun masih terdapat ruang untuk memperkukuh penerangan dan bimbingan berkaitan langkah-langkah permohonan agar lebih mudah difahami oleh semua pengunjung.

Secara keseluruhannya, konstruk Kesedaran mencatatkan nilai min 4.59 dengan sisihan piawai 0.591. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran responden terhadap proses permohonan dan maklumat berkaitan pendidikan tinggi adalah tinggi. Hal ini menggambarkan bahawa Karnival JMU Zon Sabah I 2026 berperanan dengan baik dalam meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pengunjung mengenai UPUOnline serta peluang melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi.

4.3.3 KEBERKESANAN

BIL	PENYATAAN	NILAI MIN	SISIHAN PIAWAI
1	Karnival JMU Zon Sabah I 2026 memberi motivasi kepada saya/pelajar saya/anak saya untuk melanjutkan pelajaran ke IPT	**4.62**	**0.574**
2	Saya/pelajar saya/anak saya boleh membuat keputusan memilih program dan institusi setelah menyertai Karnival JMU Zon Sabah I 2026	**4.65**	**0.531**
3	Sesi interaktif (pemudahcara) membantu saya memahami langkah-langkah memohon program melalui UPU online	**4.63**	**0.535**
	Keseluruhan	**4.63**	**0.547**

Jadual 4.3.3.1: Nilai min bagi konstruk keberkesanan

Jadual 4.3.3.1 menunjukkan dapatan bagi konstruk Keberkesanan dalam Kajian Keberkesanan Penganjuran Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026. Pernyataan yang memperoleh nilai min tertinggi ialah “Saya/Pelajar Saya/Anak Saya boleh membuat keputusan memilih program dan institusi setelah menyertai Karnival JMU Zon Sabah I 2026” dengan nilai min 4.65 dan sisihan piawai 0.531. Dapatan ini menunjukkan bahawa karnival tersebut berkesan dalam membantu peserta membuat keputusan berkaitan pemilihan program pengajian dan institusi yang sesuai selepas mendapatkan maklumat serta pendedahan sepanjang program.

Pernyataan “Karnival JMU Zon Sabah I 2026 memberi motivasi kepada saya/pelajar saya/anak saya untuk melanjutkan pelajaran ke IPT” pula mencatatkan nilai min terendah, iaitu 4.62 dengan sisihan piawai 0.574. Walaupun merupakan nilai terendah dalam konstruk ini, skor min tersebut masih berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa karnival tetap memberikan dorongan yang positif kepada peserta untuk melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi, namun aspek motivasi boleh terus diperkukuh melalui pengisian yang lebih interaktif, inspiratif dan bersesuaian dengan keperluan kumpulan sasaranan.Secara keseluruhannya, konstruk Keberkesanan mencatatkan nilai min 4.63 dengan sisihan piawai 0.547, yang menunjukkan tahap keberkesanan Karnival JMU Zon Sabah I 2026 adalah tinggi. Dapatan ini menggambarkan bahawa karnival bukan sahaja membantu peserta memperoleh maklumat berkaitan pendidikan tinggi, malah turut menyokong mereka dalam membuat keputusan mengenai program dan institusi pengajian serta meningkatkan motivasi untuk melanjutkan pelajaran ke IPT.

> “Secara keseluruhannya, Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026 menunjukkan pencapaian yang sangat positif dari aspek kesedaran dan keberkesanan, khususnya dalam membantu peserta memahami proses permohonan ke IPT, memperoleh maklumat pendidikan tinggi serta membuat keputusan berkaitan pemilihan program dan institusi. Walau bagaimanapun, aspek motivasi untuk melanjutkan pengajian dan pengukuhan kefahaman terhadap langkah permohonan melalui UPUOnline masih boleh dipertingkatkan bagi memastikan impak program menjadi lebih menyeluruh.”

4.3.4 PENAMBAHBAIKAN

BIL	PENYATAAN	NILAI MIN	SISIHAN PIAWAI
1	Kaedah penyampaian informasi program pengajian IPT perlu ditambahbaik dengan persembahan informasi yang lebih interaktif	**4.62**	**0.565**
2	Sasaran pengunjung Program Jom Masuk U perlu diperluaskan kepada alumni, NGO, ketua masyarakat, industri dan agensi	**4.67**	**0.469**
3	Jadual penganjuran Jom Masuk U perlu fleksibel mengikut keperluan peserta.	**4.64**	**0.507**
	Keseluruhan	**4.64**	**0.514**

Jadual 4.3.4.1: Nilai min bagi konstruk penambahbaikan

Jadual 4.3.4.1 menunjukkan dapatan bagi konstruk Penambahbaikan dalam Kajian Keberkesanan Penganjuran Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026. Pernyataan yang memperoleh nilai min tertinggi ialah “Sasaran pengunjung Karnival JMU Zon Sabah I 2026 perlu diperluaskan kepada alumni, NGO, ketua masyarakat, industri dan agensi” dengan nilai min 4.67 dan sisihan piawai 0.469. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden sangat bersetuju agar kumpulan sasaranan karnival diperluaskan bagi meningkatkan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan serta memperluas jangkauan maklumat berkaitan pendidikan tinggi kepada komuniti yang lebih luas.

Pernyataan “Kaedah penyampaian informasi program pengajian IPT perlu ditambah baik dengan persembahan informasi yang lebih interaktif” pula mencatatkan nilai min terendah, iaitu 4.62 dengan sisihan piawai 0.565. Walaupun merupakan nilai terendah dalam konstruk ini, skor min tersebut masih berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden turut melihat keperluan untuk mempertingkatkan kaedah penyampaian maklumat supaya lebih interaktif, menarik dan mudah difahami, sekali gus dapat meningkatkan penglibatan peserta sepanjang karnival berlangsung.

Secara keseluruhannya, konstruk Penambahbaikan mencatatkan nilai min 4.64 dengan sisihan piawai 0.514. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden memberikan tahap persetujuan yang tinggi terhadap cadangan penambahbaikan Karnival JMU Zon Sabah I 2026, khususnya dalam aspek peluasan kumpulan sasaranan dan pemerkasaan kaedah penyampaian maklumat. Cadangan ini boleh dijadikan asas dalam perancangan penganjuran akan datang bagi memastikan karnival lebih inklusif, interaktif dan relevan dengan keperluan semasa.

4.3.5 NILAI KESELURUHAN MIN

BIL	KONSTRUK	NILAI MIN	SISIHAN PIAWAI
1	Penganjuran	**4.66**	**0.505**
2	Kesedaran	**4.59**	**0.591**
3	Keberkesanan	**4.63**	**0.547**
4	Penambahbaikan	**4.64**	**0.514**
	Keseluruhan	**4.63**	**0.538**

Jadual 4.3.5.1: Nilai min bagi konstruk penambahbaikan

Jadual 4.3.5.1 menunjukkan dapatan nilai keseluruhan bagi Kajian Keberkesanan Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026. Konstruk yang memperoleh nilai min tertinggi ialah Penganjuran, dengan nilai min 4.66 dan sisihan piawai 0.505. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden memberikan penilaian yang sangat positif terhadap aspek penganjuran karnival, khususnya dari segi penyampaian maklumat dan kesesuaian pengisian program dengan keperluan kumpulan sasaran. Konstruk Kesedaran pula mencatatkan nilai min terendah, iaitu 4.59 dengan sisihan piawai 0.591. Walaupun merupakan nilai terendah berbanding konstruk lain, skor tersebut masih berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa Karnival JMU Zon Sabah I 2026 berjaya meningkatkan kesedaran responden berkaitan pendidikan tinggi dan proses permohonan melalui UPUOnline, namun masih terdapat ruang untuk memperkukuh penyampaian maklumat dan bimbingan agar kefahaman peserta dapat dipertingkatkan secara lebih menyeluruh. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mencatatkan nilai min 4.63 dengan sisihan piawai 0.538, yang menunjukkan bahawa Karnival JMU Zon Sabah I 2026 menerima penilaian yang sangat positif dan berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menggambarkan bahawa karnival berjaya berfungsi sebagai platform penyampaian maklumat pendidikan tinggi, meningkatkan kesedaran peserta serta membantu mereka membuat keputusan berkaitan pilihan program dan institusi pengajian. Walau bagaimanapun, penambahbaikan berterusan masih diperlukan, khususnya dalam memperkukuh kefahaman peserta dan meningkatkan interaktiviti penyampaian maklumat.

Secara keseluruhannya, Karnival JMU Zon Sabah I 2026 menunjukkan tahap pencapaian yang tinggi, dengan aspek penganjuran menerima penilaian tertinggi. Walaupun tahap kesedaran turut berada pada tahap yang tinggi, aspek ini masih boleh diperkukuh melalui penyampaian maklumat yang lebih jelas, interaktif dan menyeluruh bagi meningkatkan pengalaman serta kefahaman pengunjung.

4.4 NILAI INFERENSI

INTERPRETASI KORELASI	
Skor Purata	**Interpretasi**
0.90 - 1.00	**Sangat Kuat**
0.70 - 0.89	**Kuat**
0.40 - 0.69	**Sederhana**
0.10 - 0.39	**Lemah**
0.00 – 0.09	**Tiada Hubungan**

Jadual 4.4.1: Jadual interpretasi korelasi (Chua, 2021)

Analisis inferensi dijalankan bagi menguji hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian serta membuat kesimpulan berdasarkan data yang diperoleh. Dalam kajian ini, analisis korelasi digunakan untuk menentukan arah dan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji, khususnya dalam konteks persepsi responden terhadap Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026. Analisis ini membantu menjelaskan sejauh mana perubahan dalam satu pemboleh ubah berkait dengan perubahan dalam pemboleh ubah yang lain serta menyokong pembentukan kesimpulan kajian yang lebih bermakna (Mansor & Jamaludin, 2024).

JADUAL 4.4.2: NILAI KORELASI JMU ZON SABAH I 2026


Jadual 4.4.2 menunjukkan dapatan analisis korelasi antara konstruk Penganjuran, Kesedaran, Keberkesanan dan Penambahbaikan dalam Kajian Keberkesanan Penganjuran Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026.Nilai korelasi tertinggi dicatatkan antara konstruk Penganjuran dan Kesedaran dengan pekali korelasi r = 0.795, yang menunjukkan hubungan positif yang kuat antara kedua-dua konstruk. Dapatan ini menunjukkan bahawa penilaian yang lebih positif terhadap penganjuran karnival mempunyai perkaitan dengan tahap kesedaran responden yang lebih tinggi terhadap peluang pendidikan tinggi, laluan kemasukan ke IPT serta proses permohonan melalui UPUOnline.Nilai korelasi terendah pula dicatatkan antara konstruk Keberkesanan dan Penambahbaikan dengan pekali korelasi r = 0.745. Walaupun merupakan nilai korelasi terendah, hubungan tersebut masih berada pada tahap yang kuat dan positif. Dapatan ini menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap keberkesanan karnival mempunyai perkaitan yang rapat dengan pandangan mereka terhadap keperluan penambahbaikan program.Selain itu, hubungan antara Kesedaran dan Penambahbaikan mencatatkan pekali korelasi r = 0.775, diikuti hubungan antara Kesedaran dan Keberkesanan (r = 0.763) serta Penganjuran dan Keberkesanan (r = 0.757). Kesemua nilai korelasi tersebut menunjukkan hubungan positif yang kuat, sekali gus menggambarkan bahawa aspek penganjuran, kesedaran, keberkesanan dan penambahbaikan saling berkait dalam membentuk persepsi responden terhadap Karnival JMU Zon Sabah I 2026.

Secara keseluruhannya, Karnival JMU Zon Sabah I 2026 menunjukkan hubungan positif yang kuat antara semua konstruk yang dikaji. Hubungan tertinggi antara Penganjuran dan Kesedaran menunjukkan bahawa pengalaman penganjuran yang positif berkait rapat dengan tahap kesedaran responden terhadap pendidikan tinggi, manakala hubungan dengan konstruk Penambahbaikan turut menunjukkan kepentingan penambahbaikan berterusan dalam memperkukuh impak karnival.

Penganjuran - Kesedaran 0.795 Hubungan Kuat	**Penganjuran - Penambahbaikan** 0.792 Hubungan Kuat
Kesedaran - Penambahbaikan 0.775 Hubungan Kuat	**Kesedaran - Keberkesanan** 0.763 Hubungan Kuat
Penganjuran - Keberkesanan 0.757 Hubungan Kuat	**Keberkesanan - Penambahbaikan** 0.745 Hubungan Kuat

4.5 ANALISIS DEMOGRAFI (URUS SETIA)

Berdasarkan demografi responden urus setia, seramai 206 orang urus setia telah mengambil bahagian dalam soal selidik kajian ini. Dari segi jantina, majoriti responden ialah perempuan, iaitu 105 orang (51%), manakala 101 orang (49%) ialah lelaki. Taburan ini menunjukkan penyertaan responden lelaki dan perempuan dalam soal selidik adalah hampir seimbang.Dari segi umur, kumpulan terbesar responden urus setia terdiri daripada mereka yang berumur 16 hingga 20 tahun, iaitu 92 orang (44.7%). Ini diikuti oleh kumpulan umur 31 hingga 35 tahun, seramai 25 orang (12.1%), 36 hingga 40 tahun, seramai 24 orang (11.7%), dan 41 hingga 45 tahun, seramai 22 orang (10.7%).



Rajah 4.5.1: Demografi responden urus setia

Kumpulan umur lain mencatatkan peratusan yang lebih rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden urus setia yang terlibat dalam soal selidik terdiri daripada pelbagai peringkat umur, dengan penyertaan tertinggi dalam kalangan golongan berumur 16 hingga 20 tahun. Berdasarkan pengalaman terlibat dalam penganjuran, majoriti responden mempunyai pengalaman kurang daripada satu tahun, iaitu 94 orang (45.6%), diikuti oleh mereka yang mempunyai pengalaman 1 hingga 3 tahun, seramai 76 orang (36.9%). Seterusnya, 25 orang (12.1%) mempunyai pengalaman lebih daripada enam tahun, manakala 11 orang (5.3%) mempunyai pengalaman antara empat hingga enam tahun. Secara keseluruhannya, profil responden urus setia menunjukkan bahawa sebahagian besar mereka yang menjawab soal selidik mempunyai pengalaman penganjuran yang relatif singkat, namun turut disertai oleh urus setia yang mempunyai pengalaman lebih lama.

4.6 ANALISIS DESKRIPTIF (URUS SETIA)

PURATA KESELURUHAN (OVERALL AVERAGE) NILAI MIN: 4.68 SISIHAN PIAWAI: 0.522

1. Perancangan
Perancangan Jom Masuk U dan Festival PolyCC 2026 telah dilakukan dengan teratur
4.67
SD: 0.470

2. Taklimat
Sesi taklimat telah dilaksanakan dengan berkesan
4.63
SD: 0.594

3. Sumber
Sumber yang disediakan adalah mencukupi (maklumat, bahan dan lain-lain)
4.65
SD: 0.590

4. Komunikasi
Komunikasi antara urus setia berjalan dengan baik
4.66
SD: 0.567

5. Masa
Masa yang diperuntukkan untuk setiap aktiviti mencukupi
4.64
SD: 0.581

6. Kerjasama TERTINGGI
Urus setia sentiasa memberikan kerjasama yang baik
4.75
SD: 0.447

7. Objektif
Jom Masuk U dan Festival PolyCC 2026 berjaya mencapai objektif yang ditetapkan
4.72
SD: 0.488

8. Maklum Balas Peserta
Peserta memberikan maklum balas positif mengenai penganjuran program
4.72
SD: 0.478

Jadual 4.6.1: Analisis deskriptif bagi persepsi responden urus setia

Min Tertinggi: Kerjasama
4.75 (SD: 0.447)

Purata Keseluruhan
4.68 (SD: 0.522)

Min Terendah: Taklimat
4.63 (SD: 0.594)

Jadual 4.6.1 menunjukkan dapatan analisis deskriptif bagi persepsi responden urus setia terhadap pelaksanaan Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026. Secara keseluruhannya, semua item mencatatkan nilai min yang tinggi, iaitu antara 4.63 hingga 4.75, menunjukkan bahawa responden urus setia memberikan penilaian yang sangat positif terhadap aspek pelaksanaan program.

Pernyataan yang memperoleh nilai min tertinggi ialah “Urus setia sentiasa memberikan kerjasama yang baik” dengan nilai min 4.75 dan sisihan piawai 0.447. Dapatan ini menunjukkan bahawa aspek kerjasama dalam kalangan urus setia berada pada tahap yang sangat baik dan menjadi salah satu kekuatan utama dalam pelaksanaan program. Selain itu, item berkaitan objektif program dan maklum balas peserta masing-masing mencatatkan nilai min 4.72, yang menunjukkan bahawa urus setia berpandangan program berjaya mencapai objektif yang ditetapkan serta menerima maklum balas yang positif daripada peserta.

Item yang mencatatkan nilai min terendah ialah “Sesi taklimat telah dilaksanakan dengan berkesan” dengan nilai min 4.63 dan sisihan piawai 0.594. Walaupun merupakan nilai terendah, skor tersebut masih berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan taklimat secara umumnya dinilai berkesan, namun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dari segi penyampaian, kejelasan maklumat atau pengurusan sesi taklimat supaya lebih menyeluruh dan konsisten.

Secara keseluruhannya, penilaian responden urus setia mencatatkan nilai min 4.68 dengan sisihan piawai 0.522. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Karnival JMU Zon Sabah I 2026 dinilai sangat positif oleh urus setia, khususnya dari aspek kerjasama, pencapaian objektif, komunikasi, perancangan serta maklum balas peserta. Walaupun begitu, aspek taklimat dan pengurusan masa masih boleh diberi perhatian bagi memperkukuh keberkesanan pelaksanaan program pada masa akan datang.

5.0 PERBINCANGAN

5.1 PERBINCANGAN OBJEKTIF

Perbincangan ini menilai pencapaian objektif kajian berkaitan Kajian Keberkesanan Penganjuran Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa aspek penganjuran, kesedaran, keberkesanan dan penambahbaikan berada pada tahap yang tinggi, berdasarkan nilai min yang diperoleh. Analisis korelasi turut menunjukkan hubungan positif yang kuat antara konstruk-konstruk yang dikaji, sekali gus menggambarkan bahawa aspek penganjuran mempunyai perkaitan rapat dengan tahap kesedaran, keberkesanan serta pandangan responden terhadap keperluan penambahbaikan program.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa Karnival JMU Zon Sabah I 2026 kekal relevan sebagai platform penyampaian maklumat berkaitan pendidikan tinggi dan UPUOnline kepada kumpulan sasaran. Sambutan pengunjung yang memberangsangkan menunjukkan program ini berjaya menarik penyertaan yang luas serta menyediakan ruang kepada peserta untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang dan laluan melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi.

Walaupun pencapaian keseluruhan adalah sangat positif, responden turut mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan, khususnya berkaitan peluasan kumpulan sasaran, kaedah penyampaian maklumat yang lebih interaktif serta pengukuhan aspek pengurusan dan pelaksanaan program. Cadangan ini penting untuk memastikan Karnival JMU terus relevan, responsif terhadap keperluan semasa dan dapat dipertingkatkan dalam penganjuran akan datang.

5.1.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF 1:

MENILAI TAHAP KESEDARAN TENTANG KARNIVAL JMU ZON SABAH I 2026 DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI ZON SABAH

Objektif pertama kajian memfokuskan kepada penilaian tahap kesedaran responden terhadap peluang pendidikan tinggi, proses permohonan melalui UPUOnline serta pilihan program dan institusi pengajian tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konstruk Kesedaran mencatatkan nilai min 4.59 dengan sisihan piawai 0.591, yang menggambarkan tahap kesedaran responden berada pada tahap yang sangat tinggi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa Karnival JMU Zon Sabah I 2026 berupaya memberikan pendedahan dan maklumat yang jelas kepada pengunjung berkaitan peluang melanjutkan pengajian, laluan kemasukan ke IPT serta proses permohonan melalui UPUOnline.Analisis korelasi turut menunjukkan bahawa konstruk Kesedaran mempunyai hubungan positif yang kuat dengan Penganjuran (r = 0.795), Penambahbaikan (r = 0.775) dan Keberkesanan (r = 0.763).

Hubungan tertinggi antara Penganjuran dan Kesedaran menunjukkan bahawa penilaian yang lebih positif terhadap aspek penganjuran karnival berkait rapat dengan tahap kesedaran responden yang lebih tinggi terhadap maklumat pendidikan tinggi. Dapatan ini memberi petunjuk bahawa penyampaian maklumat yang tersusun, jelas dan mudah diakses merupakan antara elemen penting dalam membantu peserta memahami peluang serta proses kemasukan ke institusi pendidikan tinggi.

Dapatan kajian ini selari dengan Adam et al. (2022) yang menekankan bahawa akses kepada maklumat dan bimbingan awal mengenai laluan pendidikan tinggi penting dalam meningkatkan pengetahuan pelajar, khususnya bagi mereka yang berada di kawasan luar bandar. Karnival JMU juga menyediakan ruang kepada bakal pelajar untuk memperoleh maklumat secara langsung melalui pameran, ceramah, taklimat dan sesi interaktif bersama wakil institusi pendidikan tinggi, sekali gus membantu mereka memahami pilihan program, institusi serta proses permohonan dengan lebih jelas (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2025).

Dari segi trend permohonan ke institusi pendidikan tinggi, jumlah permohonan dalam kalangan pemohon dari Sabah menunjukkan pola turun naik sepanjang tempoh 2021 hingga 2025. Jumlah permohonan meningkat daripada 13,981 pada 2021 kepada 14,611 pada 2023, sebelum menurun kepada 11,242 pada 2024 dan meningkat semula kepada 12,807 pada 2025. Dalam tempoh yang sama, jumlah tawaran meningkat daripada 7,449 pada 2021 kepada 7,909 pada 2025, dengan jumlah tertinggi sebanyak 8,426 tawaran direkodkan pada 2024. Corak ini menunjukkan bahawa permohonan dan peluang kemasukan ke pendidikan tinggi sentiasa berubah mengikut tahun, sekali gus menegaskan kepentingan penyampaian maklumat yang berterusan dan mudah dicapai oleh bakal pelajar.

Secara keseluruhannya, dapatan bagi Objektif 1 menunjukkan bahawa Karnival JMU Zon Sabah I 2026 kekal relevan sebagai platform untuk memperkukuh kesedaran, pengetahuan dan kefahaman peserta terhadap peluang pendidikan tinggi serta proses permohonan melalui UPUOnline. Tahap kesedaran yang sangat tinggi, disokong oleh hubungan korelasi yang kuat dengan aspek penganjuran dan keberkesanan, menunjukkan bahawa karnival ini memainkan peranan penting dalam membantu kumpulan sasaran mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi membuat perancangan pendidikan selepas tamat persekolahan.

5.1.2 PENCAPAIAN OBJEKTIF 2:
MENILAI KEBERKESANAN PENGANJURAN KARNIVAL JMU ZON SABAH I 2026

Objektif kedua kajian memfokuskan kepada penilaian tahap keberkesanan Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026 dalam meningkatkan kefahaman, motivasi serta membantu peserta membuat keputusan berkaitan pemilihan program dan institusi pengajian tinggi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konstruk Keberkesanan mencatatkan nilai min 4.63 dengan sisihan piawai 0.547, yang menunjukkan tahap keberkesanan yang sangat tinggi.

Dapatan ini menggambarkan bahawa karnival berupaya membantu peserta memperoleh maklumat berkaitan pendidikan tinggi, meningkatkan motivasi untuk melanjutkan pengajian serta menyokong mereka dalam membuat pilihan program dan institusi yang lebih bersesuaian.

Analisis korelasi turut menunjukkan bahawa konstruk Keberkesanan mempunyai hubungan positif yang kuat dengan Kesedaran (r = 0.763), Penganjuran (r = 0.757) dan Penambahbaikan (r = 0.745). Hubungan ini menunjukkan bahawa keberkesanan program berkait rapat dengan tahap kesedaran responden, kualiti penganjuran serta pandangan mereka terhadap keperluan penambahbaikan program.

Hubungan yang kuat antara Kesedaran dan Keberkesanan khususnya memberi petunjuk bahawa tahap pengetahuan dan kefahaman peserta terhadap peluang pendidikan tinggi mempunyai kaitan rapat dengan persepsi mereka terhadap keberkesanan karnival. Dapatan ini selari dengan Saim et al. (2021) yang menunjukkan bahawa minat, pengetahuan dan pendedahan merupakan antara faktor yang mempengaruhi pemilihan program pengajian. Dalam konteks Karnival JMU Zon Sabah I 2026, penyampaian maklumat melalui pameran, ceramah, khidmat nasihat dan sesi interaktif menyediakan ruang kepada peserta untuk mendapatkan maklumat secara langsung serta meningkatkan kefahaman mereka terhadap peluang dan laluan pengajian.

Dari segi capaian, Karnival JMU Zon Sabah I 2026 merekodkan sejumlah 1,134,620 pengunjung, merangkumi 64,032 pengunjung secara fizikal dan 1,070,588 pengunjung secara dalam talian. Capaian yang tinggi ini menunjukkan bahawa pendekatan pelaksanaan secara fizikal dan digital berupaya memperluas jangkauan penyampaian maklumat pendidikan tinggi kepada kumpulan sasaran yang lebih besar. Pendekatan ini turut memperlihatkan peranan berterusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam menyediakan platform penyampaian maklumat berkaitan peluang dan program pengajian tinggi kepada pelajar, ibu bapa, guru, kaunselor serta pihak berkepentingan.

Penganjuran karnival ini turut mendapat sokongan dan penglibatan daripada pelbagai pihak, termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), industri, kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (NGO) dan badan profesional. Kerjasama pelbagai pihak ini penting dalam memperkukuh penyampaian maklumat, memperluas capaian program serta menyokong keberkesanan pelaksanaan Karnival JMU Zon Sabah I 2026.

Dari perspektif kecekapan penggunaan sumber, peruntukan sebanyak RM350,000 berbanding jumlah capaian 1,134,620 pengunjung menghasilkan anggaran kos purata sekitar RM0.31 bagi setiap pengunjung. Nilai ini menunjukkan kecekapan capaian yang tinggi, khususnya apabila sebahagian besar pengunjung dicapai melalui platform dalam talian. Dari sudut Return on Value (RoV), dapatan ini menunjukkan bahawa peruntukan yang disediakan telah menghasilkan jangkauan penyampaian maklumat pendidikan tinggi yang luas dengan kos capaian purata yang relatif rendah.

Secara keseluruhannya, dapatan bagi Objektif 2 menunjukkan bahawa Karnival JMU Zon Sabah I 2026 mencapai tahap keberkesanan yang sangat tinggi. Keberkesanan ini bukan sahaja ditunjukkan melalui peningkatan kefahaman, motivasi dan keupayaan peserta membuat pilihan pendidikan, tetapi turut disokong oleh hubungan korelasi yang kuat antara konstruk, capaian pengunjung yang luas, kerjasama pelbagai pihak serta penggunaan sumber yang cekap. Dapatan ini mengukuhkan relevansi Karnival JMU sebagai platform strategik dalam penyampaian maklumat dan sokongan berkaitan pendidikan tinggi kepada masyarakat.

5.1.3 PENCAPAIAN OBJEKTIF 3:

MENYEDIAKAN CADANGAN STRATEGIK UNTUK PENAMBAHBAIKAN PENGANJURAN KARNIVAL JMU ZON SABAH I 2026

Objektif ketiga kajian memfokuskan kepada cadangan penambahbaikan bagi memperkukuh penganjuran Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) Zon Sabah I 2026 pada masa akan datang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konstruk Penambahbaikan mencatatkan nilai min keseluruhan 4.64, yang menunjukkan tahap persetujuan responden yang sangat tinggi terhadap keperluan penambahbaikan program.

Pernyataan yang memperoleh nilai min tertinggi ialah "Sasaran pengunjung Karnival JMU Zon Sabah I 2026 perlu diperluaskan kepada alumni, NGO, ketua masyarakat, industri dan agensi" dengan nilai min 4.67. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden melihat keperluan untuk memperluas kumpulan sasaran agar manfaat dan maklumat berkaitan pendidikan tinggi dapat disampaikan kepada kelompok masyarakat yang lebih luas serta melibatkan lebih ramai pihak berkepentingan dalam ekosistem pendidikan tinggi.

Sementara itu, pernyataan "Kaedah penyampaian informasi program pengajian IPT perlu ditambah baik dengan persembahan informasi yang lebih interaktif" mencatatkan nilai min terendah, iaitu 4.62. Walaupun merupakan nilai terendah dalam konstruk ini, skor tersebut masih berada pada tahap yang sangat tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa responden tetap memberikan penekanan terhadap keperluan memperkukuh kaedah penyampaian maklumat agar lebih interaktif, menarik dan mudah difahami, selaras dengan perubahan keperluan serta corak penerimaan maklumat dalam kalangan peserta masa kini.

Analisis korelasi turut menunjukkan bahawa konstruk Penambahbaikan mempunyai hubungan positif yang kuat dengan Penganjuran (r = 0.792), Kesedaran (r = 0.775) dan Keberkesanan (r = 0.745). Hubungan ini menunjukkan bahawa pandangan responden terhadap keperluan penambahbaikan berkait rapat dengan pengalaman mereka terhadap penganjuran program, tahap kesedaran yang diperoleh serta persepsi terhadap keberkesanan karnival. Dengan kata lain, penilaian yang tinggi terhadap kesedaran dan keberkesanan program tidak bermaksud bahawa penganjuran sedia ada tidak lagi memerlukan penambahbaikan, sebaliknya maklum balas responden memberikan petunjuk terhadap aspek yang boleh terus diperkasakan. Walaupun konstruk Kesedaran (min = 4.59) dan Keberkesanan (min = 4.63) turut mencatatkan tahap yang sangat tinggi, dapatan bagi konstruk Penambahbaikan menunjukkan bahawa responden masih melihat ruang untuk memperkukuh pelaksanaan Karnival JMU pada masa hadapan. Antara aspek yang dikenal pasti termasuk peluasan kumpulan sasaran, pemerkasaan kaedah penyampaian maklumat secara interaktif, tadbir urus, komunikasi, reka bentuk dan kandungan program serta penglibatan pihak berkepentingan.

Secara keseluruhannya, dapatan bagi Objektif 3 menunjukkan bahawa penambahbaikan berterusan masih diperlukan bagi memastikan Karnival JMU Zon Sabah kekal relevan, inklusif dan responsif terhadap keperluan semasa kumpulan sasaranan. Maklum balas responden boleh dijadikan asas kepada pembentukan cadangan strategik yang lebih tersusun mengikut peranan pihak berkepentingan. Sehubungan itu, cadangan penambahbaikan seterusnya diperincikan mengikut enam kluster utama, iaitu tadbir urus, kewangan, reka bentuk dan kandungan program, penyampaian dan komunikasi, penglibatan serta sasaran dan libat urus, dengan tindakan khusus dicadangkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan institusi berkaitan.

5.2 LANGKAH PENAMBAHBAIKAN KPT

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa langkah penambahbaikan dicadangkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi memperkukuh pelaksanaan Karnival Jom Masuk Universiti (JMU) pada masa akan datang. Cadangan ini dihimpunkan kepada enam kluster utama bagi memastikan tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan secara lebih tersusun dan berfokus.

5.2.1 Tadbir Urus

KPT disarankan menyediakan garis panduan pelaksanaan Karnival JMU yang menyeluruh meliputi fasa sebelum, semasa dan selepas program. Garis panduan ini perlu memperincikan peranan dan tanggungjawab setiap pihak berkepentingan bagi mengelakkan pertindihan tugas serta memastikan penyelarasan program dapat dilaksanakan secara lebih sistematik. Selain itu, satu pelan tindakan dan mekanisme pemantauan susulan wajar diwujudkan bagi memastikan setiap tindakan yang dipersetujui dapat dilaksanakan dan dinilai keberkesanannya.

5.2.2 Penyampaian dan Komunikasi

Sistem penyampaian dan komunikasi antara KPT, urusetia, institusi dan pemegang taruh perlu diperkukuh melalui saluran komunikasi yang lebih jelas, konsisten dan berstruktur. Penyampaian maklumat kepada peserta juga perlu lebih interaktif, khususnya berkaitan UPUOnline, syarat kemasukan, program pengajian, biasiswa dan bantuan kewangan. Selain itu, KPT boleh menyediakan platform rujukan selepas program bagi membolehkan peserta mendapatkan semula maklumat yang diperlukan serta mengemukakan pertanyaan susulan.

5.2.3 Promosi dan Hebahan

Promosi Karnival JMU perlu dilaksanakan dengan lebih awal, berfasa dan menyeluruh melalui saluran digital, sekolah serta jaringan komuniti. Hebahan melalui media sosial, portal rasmi, sekolah, JPN dan PPD perlu diperkasa bagi meningkatkan keterlihatan program. Perhatian khusus juga wajar diberikan kepada kawasan luar bandar dan lokasi yang mempunyai akses maklumat pendidikan tinggi yang lebih terhad supaya capaian program menjadi lebih inklusif.

5.2.4 Sasaran dan Libat Urus

Kumpulan sasaran Karnival JMU wajar diperluaskan kepada alumni, NGO, ketua komuniti, industri dan agensi berkaitan, selain pelajar, ibu bapa, guru dan kaunselor. Peluasan ini dapat memperkukuh jaringan sokongan kepada bakal pelajar serta memperluas penyampaian maklumat pendidikan tinggi kepada masyarakat. Di samping itu, jadual penganjuran juga boleh dirancang dengan lebih fleksibel mengikut keperluan peserta dan kumpulan sasaran bagi meningkatkan penyertaan.

5.2.5 Kewangan

Peruntukan program perlu dirancang berdasarkan prinsip Return on Value (RoV) bagi memastikan sumber yang disediakan memberikan capaian dan manfaat yang optimum. Berdasarkan capaian Karnival JMU Zon Sabah I 2026, peningkatan peruntukan secara bersasar boleh dipertimbangkan khususnya untuk aspek pendigitalan, promosi, pembangunan kandungan interaktif dan pengurusan logistik. Sebarang peningkatan peruntukan hendaklah disertai dengan sasaran prestasi yang jelas agar keberkesanan penggunaan sumber dapat dinilai secara sistematik.

5.2.6 Reka Bentuk dan Kandungan Program

KPT disarankan memperluas penyertaan institusi pendidikan tinggi, termasuk universiti, politeknik, kolej komuniti, institusi TVET dan institusi berkaitan agar pilihan pengajian yang ditawarkan kepada peserta lebih pelbagai. Kandungan program juga perlu dipelbagaikan dan dikemas kini mengikut perkembangan semasa pendidikan tinggi. Aktiviti seperti bengkel, konsultasi akademik, sesi kerjaya dan aktiviti interaktif boleh ditambah bagi meningkatkan penglibatan peserta dan menjadikan pengalaman program lebih bermakna.

5.3 LANGKAH PENAMBAHBAIKAN INSTITUSI

Institusi pendidikan tinggi turut memainkan peranan penting dalam memastikan Karnival JMU dapat memberikan pengalaman yang berkualiti kepada peserta. Justeru, langkah penambahbaikan di peringkat institusi juga perlu dilaksanakan berdasarkan enam kluster yang sama agar selaras dengan hala tuju penambahbaikan di peringkat KPT.

5.3.1 Tadbir Urus

Institusi perlu memperkemas penyelarasan dalaman dengan menetapkan tanggungjawab yang jelas kepada pegawai, fakulti atau unit yang terlibat dalam pelaksanaan Karnival JMU. Penglibatan pakar bidang dan tenaga akademik juga wajar diperkukuh bagi meningkatkan ketepatan dan kredibiliti maklumat yang disampaikan kepada peserta. Selain itu, institusi boleh menyediakan pelan tindakan susulan untuk memastikan hubungan dengan bakal pelajar dapat diteruskan selepas program.

5.3.2 Penyampaian dan Komunikasi

Maklumat yang disampaikan oleh wakil institusi perlu konsisten, tepat dan mudah difahami. Institusi perlu memastikan maklumat berkaitan program pengajian, syarat kemasukan, yuran, biasiswa, laluan kerjaya dan proses permohonan disampaikan dalam format yang jelas dan seragam. Penggunaan pendekatan dua hala seperti sesi soal jawab, konsultasi dan interaksi bersama pelajar sedia ada juga boleh membantu bakal pelajar mendapatkan penjelasan yang lebih menyeluruh.

5.3.3 Promosi dan Hebahan

Institusi perlu memperkukuh promosi melalui media sosial, portal rasmi, sekolah dan platform digital yang relevan dengan kumpulan sasaran. Promosi perlu dimulakan lebih awal dan dilaksanakan secara berfasa supaya peserta mempunyai masa mencukupi untuk mendapatkan maklumat dan merancang penyertaan. Kandungan hebahan juga perlu ringkas, menarik dan berfokus kepada kelebihan program, laluan kerjaya serta peluang yang ditawarkan oleh institusi.

5.3.4 Sasaran dan Libat Urus

Institusi perlu mengenal pasti ciri dan keperluan kumpulan sasaran sebelum merancang pendekatan promosi dan penyampaian maklumat. Selain pelajar sekolah dan lepasan SPM, libat urus boleh diperluaskan kepada ibu bapa, alumni, guru, kaunselor, komuniti dan pihak industri. Pendekatan mentor-mentee yang menghubungkan bakal pelajar dengan pelajar sedia ada juga boleh dipertimbangkan bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang pengalaman pembelajaran dan kehidupan kampus.

5.3.5 Kewangan

Peruntukan di peringkat institusi perlu digunakan secara strategik untuk menyokong aktiviti promosi, pengiklanan, pembangunan kandungan digital dan penyediaan bahan maklumat. Institusi digalakkan menilai keberkesanan setiap saluran promosi supaya sumber dapat difokuskan kepada medium yang memberikan capaian dan penglibatan paling tinggi.

5.3.6 Reka Bentuk dan Kandungan Program

Institusi disarankan menyediakan kandungan yang lebih interaktif dan berorientasikan keperluan peserta. Maklumat program boleh disokong dengan demonstrasi, bengkel mini, konsultasi akademik, pameran kerjaya dan sesi perkongsian bersama pelajar atau alumni. Institusi juga boleh menyediakan pusat sehenti atau bahan rujukan bersepadu yang memudahkan peserta mendapatkan maklumat berkaitan program, syarat kemasukan, peluang biasiswa serta prospek kerjaya.

KESIMPULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Penganjuran Karnival JMU Zon Sabah I 2026 kekal relevan sebagai platform utama penyampaian maklumat pendidikan tinggi kepada kumpulan sasaran. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran (min = 4.59), keberkesanan (min = 4.63) dan penambahbaikan (min = 4.64) berada pada tahap yang sangat tinggi. Karnival ini membantu meningkatkan kefahaman peserta terhadap peluang melanjutkan pengajian, proses permohonan melalui UPUOnline serta pemilihan program dan institusi pengajian tinggi.

Dari sudut capaian, program merekodkan 1,134,620 pengunjung, merangkumi 64,032 pengunjung fizikal dan 1,070,588 pengunjung dalam talian. Dengan peruntukan sebanyak RM350,000, kos capaian dianggarkan sekitar RM0.31 bagi setiap pengunjung, menunjukkan nilai capaian yang tinggi.

Walaupun pencapaian program adalah sangat positif, responden turut mencadangkan penambahbaikan dalam aspek penyampaian maklumat yang lebih interaktif, peluasan kumpulan sasaran, fleksibiliti jadual serta pengukuhan promosi dan kandungan program.

Cadangan strategik penambahbaikan dihimpunkan kepada enam kluster utama, iaitu Tadbir Urus, Penyampaian dan Komunikasi, Promosi dan Hebahan, Sasaran dan Libat Urus, Kewangan serta Reka Bentuk dan Kandungan Program. Antaranya ialah memperkukuh garis panduan pelaksanaan, memperluas promosi dan capaian ke kawasan luar bandar, menambah aktiviti interaktif serta mempertimbangkan peningkatan peruntukan secara bersasar bagi aspek pendigitalan, promosi dan logistik.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada KPT, JPPKK, institusi dan pihak berkepentingan dalam merancang penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan Karnival JMU kekal relevan, inklusif dan berimpak tinggi pada masa akan datang.

RUJUKAN

1. Abd Rahman, I., & Ramli, A. A. (2021). Isu dan cabaran dalam pelaksanaan pendidikan peringkat rendah dan menengah: Pendekatan Malaysia semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6*(9), 1–13. https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1043

2. Adam, S. D. S., Esa, M. S., Othman, I. W., & Hamid, J. A. (2022). Cabaran pendidikan pelajar Bumiputera luar bandar di Sabah selepas merdeka. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 7*(47), 819–833. https://doi.org/10.35631/IJEPC.747060

3. Bahagian Kemasukan Pelajar IPT. (2023). *Kenyataan media: Permohonan UPUOnline® bagi kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) sesi akademik 2023/2024*. Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.

4. Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi. (2026). *Maklumat institusi pendidikan tinggi di Negeri Sabah*. Kementerian Pendidikan Tinggi.

5. Billett, S., Choy, S., Gibbs, K., Le, A. H., McKay, L., & Hay, S. (2024). Initiating, enacting and sustaining partnerships to inform post-school pathways. *Journal of Education and Work, 37*(1–4), 149–164. https://doi.org/10.1080/13639080.2024.2383564

6. Chua, Y. P. (2021). *Asas statistik penyelidikan* (Edisi ke-4). McGraw-Hill Education.

7. Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2023). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (6th ed.). SAGE Publications.

8. Gegenfurtner, A., Zitt, A., & Ebner, C. (2020). Evaluating webinar-based training: A mixed methods study of trainee reactions toward digital web conferencing. *International Journal of Training and Development, 24*(1), 5–21. https://doi.org/10.1111/ijtd.12167

9. Hanapiah, M. N., Hashim, A., & Wahab, D. (2024). The effectiveness of using PAUT for student recruitment management at Kolej Komuniti Selayang. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities, 9*(2), 69–79.

RUJUKAN

10. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2025). *Laporan kajian keberkesanan penganjuran Program Jom Masuk U 2025* [Laporan tidak diterbitkan]. Kementerian Pendidikan Tinggi.

11. Kementerian Pendidikan Tinggi. (2025, April 17). *Karnival Jom Masuk U 2025 meneruskan siri jelajah ke sembilan zon bermula 19 April* [Siaran media].

12. Kementerian Pendidikan Tinggi. (2026). *Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035*.

13. Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement, 30*(3), 607–610. https://doi.org/10.1177/001316447003000308

14. Mohd Saim, N., Abd Rahman, N. F., Rosli, S. H., & Amaruddin, H. I. (2021). Faktor-faktor yang mendorong pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih program pengajian diploma kejuruteraan awam. *Gading Journal for the Social Sciences, 24*(2), 81–90. https://doi.org/10.24191/gading.v24i02.289

15. Sabah Media. (2024, January 18). *SPM 2023: 38,778 calon berdaftar di seluruh Sabah*.

16. Sabah Media. (2025, January 2). *SPM 2024: 39,548 calon duduki peperiksaan bertulis bermula hari ini di seluruh Sabah*.

17. Sabah Media. (2025, November 26). *JPN Sabah jamin keselamatan calon SPM, sedia hadapi risiko banjir*.

18. Shaari, A. S. (Ed.). (2022). *Kaedah penyelidikan pendidikan kuantitatif*. UUM Press.

19. Syed Chear, S. L. (2025). Prospek TVET di Institut Pengajian Tinggi Malaysia. *EDUCATUM Journal of Social Sciences, 11*(1), 98–112. https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.1.9.2025.

LAPORAN KAJIAN KEBERKESANAN KARNIVAL JOM MASUK UNIVERSITI (JMU) ZON SABAH I 2026, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

eISBN 978-629-7803-11-1

9 786297 803111

Politeknik Sandakan Sabah

(online)

